



## SIARAN MEDIA

### **MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN PROJEK SMART SAWAH BERKALA BESAR (SMART SBB) ANTARA LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU DAN BERNAS**

**PASIR PUTEH, 23 JANUARI 2022** – Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Syarikat Padi Beras Nasional Berhad (BERNAS) bagi pelaksanaan Projek Smart Sawah Berkala Besar (SMART SBB) yang merupakan salah satu program peningkatan hasil padi negara, pada satu majlis yang diadakan di Ladang Merdeka Jelor, Pasir Puteh.

Pengurus Besar KADA, Nik Roslan bin Idris mewakili KADA menandatangani MoU tersebut manakala BERNAS pula diwakili oleh Ketua Bahagian Pembangunan Pengurusan Konsesi dan Aktiviti Hulan, Abdul Rahman Mohd Nasri dan yang disaksikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Berucap pada majlis itu, Dr Ronald berkata, dengan kepakaran kedua-dua agensi ini, akan berlaku lonjakan peningkatan hasil padi khususnya di dalam kawasan KADA ini.

‘Dengan pengalaman yang dimiliki dan sokongan serta kerjasama daripada golongan sasaran kita iaitu petani, sudah pasti kerjasama dalam program SMART SBB ini akan membuahkan hasil yang lebih baik,’ kata beliau.

Menurut Dr Ronald, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah mula melaksanakan program SMART SBB yang merupakan kerjasama pintar awam dan swasta untuk membangunkan kawasan penanaman padi secara berperingkat di Semenanjung Malaysia. Pendekatan ini adalah sebagaimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

‘Jalinan kerjasama pintar dan strategik awam dan swasta ini telah bermula sejak Februari 2021 dan setakat ini terdapat penyertaan lapan belas (18) syarikat peneraju yang telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Kerajaan mensasarkan pembangunan kawasan penanaman padi seluas 300,000 hektar,’ jelas Dr Ronald

Tambah beliau lagi, program ini terbukti berhasil meningkatkan pendapatan dan produktiviti pesawah serta pengusaha dengan pengurusan sumber secara optimum melalui program penyatuan tanah sawah. Kejayaan Program SMART SBB telah diterjemahkan melalui pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) MAFI.

Untuk rekod, setakat Oktober 2021 sahaja, seramai 3,811 orang pesawah telah mendapat manfaat daripada program SMART SBB melibatkan kawasan penanaman padi seluas 9,778 hektar di beberapa tempat termasuk IADA Barat Laut Selangor dan IADA Seberang Perak.

Menurutnya, program SMART SBB ini merupakan hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan oleh MAFI bagi meningkatkan produktiviti dalam mencapai SSL beras yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sebanyak 75 peratus.

Beliau yakin dengan kesungguhan semua, program ini bakal mencapai kejayaan besar yang seterusnya akan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup golongan sasaran.

Tambah beliau lagi, sebelum ini Kementerian melalui agensi di bawahnya telah memperkenalkan beberapa program sawah berskala besar seperti Projek Pemacu Pertanian (PPP) dibawah NKEA - Penanaman Padi Berskala Besar yang telah dilaksanakan di KADA, projek Mini Estet Padi dan projek Ladang Merdeka dan kini sudah tiba masanya semua pihak untuk mengorak langkah yang lebih ke depan dengan memberikan peluang kepada pihak swasta untuk turut serta menyumbang kepakaran dan tenaga dalam usaha membantu meningkatkan hasil padi seterusnya menjadi penerajui industri padi beras negara.

Ujarnya, penglibatan pihak swasta ini juga dilihat mampu memberikan nafas dan semangat baru kepada industri padi dan beras negara melalui pendekatan baru dengan memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimum mungkin dan akan mengurangkan tanggungan kewangan Kerajaan dalam jangka masa panjang.

Beliau melihat program SMART SBB ini sebagai satu peluang kerjasama strategik yang menguntungkan pesawah selain menjadikan mereka sebagai rakan kongsi utama dalam pembangunan sektor padi dan beras di negara ini.

Pengurangan keluasan kawasan padi di dalam kawasan jelapang KADA semakin membimbangkan. Keadaan ini berlaku disebabkan antara lain disebabkan pembangunan projek komersil dan perumahan. Keluasan kawasan padi KADA telah menyusut sebanyak 14 peratus iaitu hampir 5,000 hektar bagi tempoh 20 tahun bermula 2000.

Keadaan ini amat membimbangkan kerana ia sudah pasti akan mengurangkan pendapatan dan jumlah hasil padi yang diperolehi. Tanpa program-program berskala besar seperti SMART SBB, sudah pasti jumlah hasil ini tidak dapat ditingkatkan.

Sebagai projek rintis SMART SBB KADA-BERNAS, sebanyak 134 hektar tanah sawah telah diperuntukkan iaitu 100 hektar di Mukim Bunut Susu, Pasir Mas telah diperuntukkan untuk diusahakan bersama dengan BERNAS, sementara itu sebanyak 34 hektar lagi melibatkan Ladang Merdeka Jelor, di Pasir Puteh dengan anggaran kos keseluruhan melibatkan hampir RM10 juta bagi tempoh 15 tahun pelaksanaan projek merangkumi kos infrastruktur dan pengairan serta proses penyuburan tanah

Program ini akan terus diperkasa dan sokongan semua pihak diperlukan selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa sekaligus membela golongan petani, penternak dan nelayan.

Dalam majlis yang sama, Dr Ronald juga telah melancarkan Logo Sambutan Jubli Emas 50 Tahun KADA.

Beliau turut rakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga kerja KADA sejak dari penubuhannya pada tahun 1972 hingga kini atas segala jasa dan khidmat bakti, sepanjang tempoh 5 abad atau 50 Tahun ini. KADA dilihat sebagai sebuah agensi yang sentiasa

berusaha keras dalam meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan petani di kawasannya, sekaligus menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian negara secara keseluruhannya.

Turut hadir, YB Dr Nik Muhammad Zawawi Bin Nik Salleh, Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan II, YB Haji Tuan Mohd Saripudin Bin Tuan Ismail Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau Dan Alam Sekitar YBhg Datuk Pengerusi KADA, Datuk Kamarudin Md Nor, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), MAFI, Datuk Badrul Hisham Bin Mohd, Pengurus Besar KADA, YB Dato' Che Abdullah Bin Mat Nawi, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang Tuan Hj Nik Roslan Idris serta En Abdul Rahman Mohd Nasri, Ketua Bahagian Pengurusan Konsesi dan Aktiviti Hulan mewakili YBhg Datuk Haris Fadzilah Hassan, Pengarah Urusan Kumpulan Bernas.

DISEDIAKAN OLEH:

Unit Komunikasi Korporat,  
Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu  
23 Januari 2022

## **MAKLUMAT RINGKAS**

### **LEMABAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU**

#### **LATAR BELAKANG**

**Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)** merupakan sebuah agensi kerajaan yang ditubuhkan dengan tujuan untuk memajukan dan menggalakkan pembangunan ekonomi dan sosial golongan petani di kawasan Kemubu.

KADA mula ditubuhkan pada 30 Mac 1972 melalui Seksyen 4 (1) Akta 69, Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972, dan dilancarkan dengan rasminya oleh YAB Tun Hj Abdul Razak bin Hussien Perdana Menteri Malaysia ke-dua pada 2 Mac 1973.

KADA juga bertujuan bagi merancang dan mengusahakan kawasan Kemubu dengan pelbagai kemajuan pertanian mengikut sebagaimana yang diperuntukkan oleh negeri.

KADA merupakan sebuah agensi yang unggul dalam usaha meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani serta peningkatan pengeluaran makanan negara terutama di dalam pengeluaran padi dan beras untuk menampung keperluan beras negara.

KADA turut menjadi pengeluar bahan makanan lain selain padi bagi memenuhi permintaan dan menampung keperluan makanan negara di samping membangunkan industri hiliran berasaskan bahan-tempatan.

KADA merupakan sebuah agensi kerajaan Pusat yang turut berfungsi bagi membangunkan dan memperteguhkan institusi peladang untuk menaungi keluarga tani selain berusaha meningkatkan pendapatan per kapita golongan petani selaras dengan pendapatan per kapita negara.

#### **MAKLUMAT ASAS KADA**

KADA memiliki seluas 26,833 hektar keluasan parcel padi dengan peratus status pemilikan tanah yang diusahakan untuk tanaman padi ialah 5.22 peratus oleh pemilik, 64.35 peratus oleh pemilik penyewa manakala selebihnya 30.43 peratus adalah penyewa.

Terdapat seramai 7,722 [etani di bawah seliaan KADA dan daripada jumlah tersebut seramai 1,827 orang adalah belia tani yang mewakili 24 peratus. Purata umur bagi petani di dalam kawasan KADA ialah 53 tahun. Dianggarkan setiap petani mengusahakan 3.58 hektar tanah sawah secara purata.

Selain petani KADA juga memiliki lebih 1400 usahawan di bawah industri asas tani yang telah menerima pelbagai insentif, geran dan bantuan daripada kerajaan.

Untuk makluman di bawah KADA terdapat 13 buah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dengan jumlah lebih 34,400 ahli. Daripada 13 buah PPK di bawah KADA ini, modal sahama yang ada sehingga kini ialah RM9.81 juta dengan purata saham RM246 setiap ahli.

### **KAWASAN TANAMAN PADI KADA**

Terdapat 6 kawasan pertanian di bawah seliaan KADA iaitu Kota Bharu Utara, Kota Bharu Selatan, Bachok, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Tumpat.

<b>PEJABAT KADA JAJAHAN</b>	<b>LUAS TANAH PADI (ha)</b>
Kota Bharu (U)	2,884
Kota Bharu (S)	4,141
Bachok	5,194
Pasir Mas	5,669
Pasir Puteh	4,556
Tumpat	4,389
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>26,833</b>